

Wakaf dapat elak tanah rizab Melayu berpindah tangan

Oleh Dr Siti Nadiah Mohd Ali
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
 Pusat Pengajian
 Pengurusan
 Hartanah, Universiti
 Teknologi MARA
 (UiTM) Kampus
 Seri Iskandar

Isu pembangunan dan pendudukan tanah rizab Melayu berpindah kepada bukan Melayu, tetapi tidak dikeluar kan daripada warta itu menyebabkan ia tidak diganti seperti diperuntukkan Perlembagaan, menjadi kerugian besar dari aspek ekonomi dan sosial, terutama dalam menoktahkan kemiskinan.

Kerajaan negeri sepatutnya memastikan urus tadbir dan rekod tanah rizab Melayu dikemas kini, sekali gus bersih sebarang salah urus tadbir untuk memastikan hak dan kepentingan Bumiputera Melayu Islam terpelihara.

Walaupun tanah rizab Melayu dilindungi kerajaan untuk memelihara kepentingan orang Melayu, keselamatan tanah ini masih bergantung pada pematuhan terhadap peraturan dan syarat ditetapkan pihak berkuasa.

Antara yang boleh mengancam keselamatan tanah rizab Melayu ialah pembangunan tidak mampan, pencerobohan dan aktiviti pengambilan haram. Justeru, tanah ini perlu dilindungi dengan ketat dan dipantau teliti pihak berkuasa.

Kajian mendedahkan pengambilan tanah rizab Melayu untuk pembangunan tidak diganti dengan keluasan atau nilai sama antara isu memberi kesan serius kepada kedudukan tanah berkenaan seperti kajian doktor falsafah (PhD) oleh Mohd Hasrol Haffiz sejak 2013 yang membuktikan penyusutan tanah rizab Melayu juga terkait dengan ciri sikap kapitalis dalam kalangan pemilik Melayu.

Penyusutan atau pengurangan luas tanah rizab Melayu adalah isu kompleks kerana membabitkan beberapa pihak perlu bertanggungjawab seperti kerajaan negeri yang perlu melaksanakan dasar dan undang-undang pengurusan dan pemuliharaannya.

Pastikan tanah rizab Melayu dilindungi

Agensi seperti pejabat tanah dan galian (PTG) serta pihak berkuasa tempatan (PBT) wajib berperanan dalam menguruskan tanah rizab Melayu bagi memastikannya dilindungi dan digunakan dengan betul.

Malah, pemaju atau syarikat swasta membungunkan tanah ini perlu mematuhi dasar serta undang-undang ditetapkan kerajaan dan agensi berkaitan, selain memastikan mereka memperoleh kelulusan dan izin betul sebelum membungunkannya.

Malah, masyarakat juga berperanan untuk melindungi tanah rizab Melayu dengan melaporkan sebarang kesalahan atau aktiviti merosakannya kepada pihak berkuasa.

Justeru, perlu ada penyelesaian mengekang penyusutan tanah rizab Melayu, termasuk mewakafkannya kepada majlis agama Islam negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal menguruskan pembangunan dan pendaftaran tanah wakaf.

Hakikatnya, wakaf tanah rizab Melayu boleh membantu dalam memastikan kelestarian dan kegunaan jangka panjang untuk manfaat umum. Dalam konteks ini, wakaf bermaksud mengalih milik tanah rizab Melayu daripada individu atau organisasi kepada wakaf untuk tujuan kebaikan

umum dan kebajikan orang ramai.

Manfaat wakaf tanah rizab Melayu, termasuk melindunginya daripada pengambilan tanpa pampasan, memastikan kegunaan jangka panjang tanah untuk kebaikan umum dan memberi kebaikan kepada masyarakat seperti pembangunan kemudahan awam umpamanya taman, tempat rekreasi atau ibadah.

Malah, wakaf tanah rizab Melayu juga mempunyai implikasi positif terhadap kepentingan Bumiputera Melayu Islam kerana pemilikan dan pengurusan tanah dilakukan badan wakaf boleh menjamin kepentingan golongan berkenaan, sekali gus memastikan tanah itu akan terus digunakan untuk kebaikan umum masyarakat Melayu.

Namun, konsep wakaf ini perlu dilakukan teliti dan berhati-hati kerana membabitkan aspek undang-undang dan pentadbiran tanah kompleks. Sebelum mengambil tindakan wakaf, pihak berkepentingan perlu berunding dengan pihak berkuasa dan memastikan semua prosedur serta keperluan undang-undang dipatuhi.

Bagi memulakan wakaf tanah rizab Melayu, langkah pertama adalah dengan menghubungi badan wakaf berdaftar di Malaysia seperti MAIN untuk mendapatkan nasihat dan bantuan, termasuk prosedur dan syarat perlu dipatuhi.

Pihak berminat untuk mewakafkan tanah rizab Melayu perlu memastikan tanah berkenaan milik mereka dan tidak tergadai atau diambil alih pihak lain. Proses wakaf tanah ini, termasuk dalam proses wakaf biasa, dengan pemilik tanah mewakafkan hak milik kepada MAIN untuk tujuan kebajikan umum.

Setelah dilakukan wakaf, MAIN akan bertanggungjawab dalam menguruskan dan menjaga tanah berkenaan, sekali gus memastikan ia digunakan untuk tujuan ditetapkan. Pihak mewakafkan tanah juga boleh menyertakan syarat dalam perjanjian wakaf seperti menjaga kepentingan Bumiputera Melayu Islam atau memastikan penggunaan tanah untuk tujuan ditetapkan.

“ Wakaf tanah rizab Melayu boleh membantu dalam memastikan kelestarian dan kegunaan jangka panjang untuk manfaat umum ”